



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM REZEKI TANI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

1. NAMA PROGRAM : PROGRAM REZEKI TANI

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Program Rezeki Tani merupakan sebuah program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan yang dijenamakan semula daripada Program AZAM Tani di bawah Kementerian.
- 2.2 Pelaksanaan Program Rezeki Tani dipertanggungjawabkan kepada tiga (3) Jabatan dan tujuh (7) Agensi di bawah Kementerian iaitu **DOA, DOF, DVS, FAMA, LPP, LKIM, LPNM, MARDI, MADA dan KADA.**
- 2.3 Program ini hanya dilaksanakan di **Semenanjung Malaysia**

3. OBJEKTIF PROGRAM

- 3.1 **Membantu meningkatkan pendapatan peserta** melalui pemberian **bantuan projek ekonomi** yang melibatkan aktiviti pengeluaran / pemprosesan/pengedaran/pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan; dan
- 3.2 **Mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran serta daya saing** peserta melalui latihan pembangunan modal insan dan latihan teknikal; dan
- 3.3 **Membantu mengeluarkan peserta** daripada kemiskinan.

4. KRITERIA PENERIMA BANTUAN BARU

- 4.1 Ketua Isi Rumah (**KIR**) atau Ahli Isi Rumah (**AIR**) yang berdaftar dalam **Sistem eKasih.**
- 4.2 Menetap di **Semenanjung Malaysia** Sahaja
- 4.3 Berumur diantara **18 hingga 60 tahun**
- 4.4 Kumpulan Sasar : Ketua Isi Rumah (**KIR**) atau Ahli Isi Rumah (**AIR**) dalam **kategori B40**
 - 4.4.1 **Miskin Tegar**
 - 4.4.2 **Miskin**
 - 4.4.3 Pendapatan Rendah : **Terkeluar**
 - ✓ Pendapatan perkapita ≤ **RM 650**
 - ✓ Pendapatan perkapita ≤ **RM 2,614**
 - 4.4.4 Keutamaan kepada **KIR** atau **AIR yang berpengalaman, berkemahiran dan sedang menjalankan aktiviti** berkaitan pertanian, penternakan, perikanan dan pemprosesan produk berasaskan pertanian.
 - 4.4.5 **Individu** (golongan produktif)

5. KADAR BANTUAN

- 5.1 Kadar bantuan maksimum bagi seorang peserta adalah sebanyak **RM 10,000**, meliputi perkara berikut :
- ✓ Kos pelaksanaan projek iaitu pemberian ***in-kind*** seperti **kos peralatan, benih, bahan mentah, lesen, pembangunan dan operasi** bergantung kepada keperluan dan kemajuan projek peserta sebanyak **RM 9,000** ; dan
 - ✓ **Kos latihan dan kos pengurusan** iaitu Latihan Asas dan Lanjutan, Latihan Teknikal yang bersesuaian dengan peserta dan kos pengurusan termasuk kos operasi berkaitan Program Rezeki Tani sebanyak **RM 1,000**.

6. SKOP PROJEK

- 6.1 **Mengeluarkan hasil dalam tempoh yang pendek (*Quick Win Project*) iaitu di antara 3 hingga 6 bulan pelaksanaannya**, berpotensi memberi pulangan yang baik, produk/perkhidmatan yang mudah dipasarkan, berdaya maju (*viable*), berdaya tahan (*sustainable*) serta mengikut kesesuaian persekitaran dan tempat.
- 6.2 Skop Program Rezeki Tani merangkumi semua aktiviti pengeluaran / pemprosesan / pendedaran / p emasaran berkaitan ;
- ✓ Pertanian (termasuk perkhidmatan pertanian)
 - ✓ Penternakan
 - ✓ Perikanan
 - ✓ Pemprosesan
 - ✓ Pemprosesan Produk IAT (termasuk produk kraftangan)
 - ✓ Perniagaan Tani

7. BIMBINGAN DAN PEMANTAUAN

- 7.1 **Tempoh pemantauan** projek peserta adalah selama **3 tahun setelah peserta menerima bantuan peralatan**.

Tempoh Pelaksanaan Projek	Kekerapan Pemantauan
6 bulan pertama	Setiap bulan
Selepas 6 bulan	Setiap 3 bulan

- 7.2 Melengkapkan **Laporan Pemantauan Program Rezeki Tani** .

- 7.3 Maklumat pendapatan projek hendaklah **dikemaskini dalam Sistem eKasih**.

8. PELAPORAN

Prestasi Pelaksanaan Program Rezeki Tani hendaklah dilaporkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Pelaksanaan Program Rezeki Tani** secara berkala kepada urusetia Program Rezeki Tani Kementerian.